

Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif
Maqāṣid al-Sharī'ah
Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid al-Sharī'ah

NURUL AIN HAZRAM, Universiti Malaya
RAIHANAH AZAHARI, Universiti Malaya

Received: September 02, 2021 Accepted: November 11, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Setiap pensyariaan dalam Islam mempunyai hikmah dan objektifnya yang tersendiri. Secara umumnya, objektif pensyariaan bertujuan untuk menghasilkan sebanyak mungkin maṣlaḥah kepada manusia dan menolak sebanyak mungkin maṣḍah daripada manusia. Begitu juga dengan akad perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam, terdapat objektif utama yang ingin dicapai oleh syarak disebalik pensyariaan tersebut. Mutakhir ini, perbincangan mengenai isu perkahwinan bawah umur mula hangat dibincangkan semula. Para sarjana Islam juga turut berbeza pandangan terhadap amalan perkahwinan bawah umur ini, memandangkan amalan ini sering dikaitkan dengan kemudaratan dan risiko buruk yang kan ditanggung oleh kanak-kanak yang berkahwin pada usia muda. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana amalan perkahwinan bawah umur menepati Maqāṣid Syariah dalam pensyariaan perkahwinan. Artikel ini mendapati bahawa amalan perkahwinan bawah umur secara umumnya boleh mencapai objektif-objektif syarak dalam perkahwinan sekiranya perkahwinan tersebut dilakukan dengan syarat-syaratnya. Tambahan lagi, ada beberapa keadaan dalam perkahwinan bawah umur yang dilihat sebagai salah satu cara dalam menolak maṣḍah yang lebih besar, seperti bagi mengelakkan berlakunya zina dan kehamilan luar nikah.

Kata kunci: Maqāṣid Syariah, Objektif Syarak, Perkahwinan, Perkahwinan Bawah Umur, Masalah, Maṣḍah.

ABSTRACT

Every provision in Islam has its wisdom and objective. In general, the objective of syarak is to produce as many benefits (maṣlaḥah) as possible to human beings and to prevent harm (maṣḍah) as much as possible from human beings. The marriage contract prescribed in Islam, there is the main objective that is to be achieved by the Islamic law behind the legislation. Recently, the debate on the issue of underage marriage has begun to heat up again. Islamic scholars also have different views on the practice of underage marriage, as this practice is often associated with harms and risks that will be borne by children who marry at a young age. Thus, this article aims to examine the extent to which the practice of underage marriage complies with the Maqāṣid Syariah in the legislation of marriage. This article finds that the practice of underage marriage, in general, can achieve the objectives of syarak in marriage if the marriage is performed with some conditions. In addition, some situations in underage marriage are seen as one of the ways in rejecting the greater maṣḍah, such as to prevent the occurrence of adultery, extramarital pregnancies.

Keywords: Maqāṣid Syariah, The Objectives of Sharia, Marriage, Underage Marriage, Masalah, Maṣḍah

PENGENALAN

Maqāṣid syariah secara umumnya merujuk kepada tujuan dan objektif syarak dalam setiap pensyariaan. Walaupun para fuqaha silam telah pun memulakan perbincangan mengenai asas-asas penting pembinaan kerangka ilmu Maqāṣid syariah, namun begitu mereka tidak meletakkan satu definisi khusus bagi menghuraikan hakikat maqāṣid al-sharī'ah. Al-Raysuniy (1995) berpandangan bahawa para sarjana

silam tidak meletakkan pendefinisian khusus kepada Maqāṣid al-Sharī'ah kerana mereka melihat perbincangan Maqāṣid al-Sharī'ah itu sebagai satu perbincangan yang telah sedia maklum dalam kalangan para sarjana tanpa memerlukan kepada pendefinisian.

Mengikut pandangan al-Yubi (1998), usaha-usaha untuk meletakkan definisi khusus bagi Maqāṣid al-Sharī'ah dilihat mula diasaskan oleh para sarjana yang terkemudian sezaman dengan Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, 'Allāl al-Fāsi, dan

generasi-generasi fuqaha selepas mereka. Hal ini selari dengan perkembangan disiplin dan metodologi penyelidikan hukum fiqh.

Maqāṣid al-Sharī'ah boleh didefinisikan seperti yang disebutkan oleh al-Zuhayliy (2017) sebagai; “*tujuan pensyariatan dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh syarak dalam setiap hukum-hukumnya*”. Justeru itu, kajian mengenai *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini merupakan antara topik perbincangan yang penting dalam penyelidikan hukum Islam kerana perbahasannya merupakan sebagai satu usaha untuk menyelidiki rahsia dan objektif syarak di sebalik setiap pensyariatan dalam Islam.

Sudut pandang *Maqāṣid* Syariah ini penting kepada seseorang sarjana fiqh dalam melakukan sesuatu penyelidikan hukum, bagi memastikan ijhtihad yang dilakukan tersebut tidak terkeluar daripada kerangka objektif syarak. Ibn 'Ashur (2009) turut menjelaskan kepentingan pengambilkiraan aspek *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam penyelidikan hukum kerana seorang mujtahid dalam menjalankan sesuatu penyelidikan hukum akan melalui proses memahami nas syarak, proses *qiyās* sesuatu perkara baharu yang tidak disebutkan oleh syarak kepada sesuatu hukum yang ada nas padanya, dan sebagainya yang memerlukan kepada pengamatan *maqāṣid al-sharī'ah* dengan baik agar proses penyelidikan tersebut menghasilkan natijah yang selari dengan kehendak syarak.

Mutakhir ini, isu perkahwinan bawah umur kembali dibincangkan, sama ada amalan ini dilihat sebagai suatu perkara negatif yang harus dibendung, ataupun dipertahankan oleh mereka yang menyatakan bahawa secara asalnya syarak tidak menghalang perkahwinan bawah umur. Malah, Mufti dari pelbagai negeri juga kelihatan berbeza pendapat terhadap perkahwinan bawah umur. Terdapat sebahagian Mufti yang bersetuju dengan perkahwinan bawah umur malah mencadangkan agar umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan diturunkan daripada 16 tahun kepada 14 tahun, manakala terdapat sebahagian lagi yang tidak bersetuju dengan perkahwinan bawah umur dan mencadangkan agar umur minimum perkahwinan dinaikkan daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Hakikatnya, pandangan terhadap isu ini berbeza-beza bagi sesetengah pihak, kerana sebahagian mereka berpendapat bahawa *maslahah* boleh dicapai melalui perkahwinan bawah umur, dan begitu juga sebaliknya, terdapat sebahagian yang merasakan bahawa perkahwinan bawah umur hanya mendatangkan mafsadah terhadap kanak-kanak yang terlibat.

Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti *Maqāṣid* Syariah dalam perkahwinan dan sejauh manakah perkahwinan bawah umur dapat mencapai tujuan-tujuan utama syarak di sebalik pensyariatan perkahwinan? Diharap dapatan daripada artikel ini dapat memberikan sudut pandang yang baharu dari aspek *maqāṣid al-sharī'ah* kepada para

pengkaji yang lain dalam menilai isu perkahwinan bawah umur ini dari perspektif syarak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan yang terdiri daripada karya-karya berkaitan *maqāṣid al-sharī'ah*, karya-karya fiqh yang muktabar daripada mazhab-mazhab fiqh yang muktabar, selain menjadikan Quran dan Sunnah sebagai rujukan dan sumber utama.

Dalam menentukan (*ithbāt*) *maqāṣid al-sharī'ah*, penulis memilih untuk menggunakan metodologi yang digariskan oleh Muḥammad al-Ṭāhir (2009), iaitu dengan melalui proses-proses seperti berikut; (1) proses *istiqrā'*, iaitu dengan melakukan kepada semua hukum-hukum yang diketahui '*illahnya*, iaitu sebab kepada sesuatu hukum, dan juga *istiqrā'* kepada seluruh dalil yang menunjukkan kepada sesuatu '*illah* sehingga memberikan keyakinan bahawa '*illah* tersebut adalah tujuan dan objektif yang dikehendaki oleh syarak, (2) penelitian kepada dalil-dalil daripada nas Quran yang secara jelas menunjukkan sesuatu itu sebagai tujuan dan objektif syarak, dan (3) penelitian kepada nas-nas hadis yang mutawahir.

Berdasarkan kepada metodologi ini, pengkaji kemudiannya dapat mengenal pasti *Maqāṣid al-Sharī'ah* di sebalik pensyariatan perkahwinan dalam Islam, dan kemudiannya menganalisis sejauh mana aspek *Maqāṣid al-Sharī'ah* tercapai dalam amalan perkahwinan bawah umur.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai *maqāṣid al-sharī'ah* hakikatnya telah banyak dibincangkan oleh para sarjana. Namun, dalam konteks kajian ini, pengkaji membuat sorotan literatur kepada kajian-kajian yang dihasilkan berkaitan dengan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam isu-isu yang melibatkan perkahwinan secara umum, dan kemudiannya kepada kajian-kajian yang berkaitan perkahwinan bawah umur.

Zanariah (2019) dalam kajiannya membincangkan mengenai *maqāṣid al-sharī'ah* dalam konteks penderaan mental terhadap isteri dalam sesebuah perkahwinan. Kajian ini menjelaskan bahawa penderaan mental adalah bertentangan dengan *maqasid al-shariah* dalam perkahwinan. Walaupun kesan penderaan mental tidak dapat dibuktikan dengan jelas seperti penderaan fizikal, namun hakikatnya kesan terhadap penderaan mental adalah sama seperti penderaan fizikal. Malah, penderaan mental dan emosi juga bertentangan dengan *maqasid al-shariah* dalam pemeliharaan akal. Kajian ini merumuskan bahawa, undang-undang di Malaysia samada undang-undang sivil mahupun undang-undang keluarga Islam melindungi dan memberikan penyelesaian kepada isteri yang

mengalami masalah penderaan mental dan emosi dalam perkahwinan.

Awang Nib Zuhairi et al (2021) dalam kajian mereka mengenai kesejahteraan keluarga menurut perspektif *Maqasid al-Shariah* dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak mendapati bahawa pemerintah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan lima prinsip utama *Maqasid al-Shariah* bagi membentuk kesejahteraan keluarga di dalam sesebuah negara bermasyarakat majmuk. Hasil daripada kajian ini merumuskan bahawa lima prinsip *Maqasid al-Shariah* boleh didapati dalam pembinaan dasar kesejahteraan keluarga dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak menerusi sembilan belas elemen utama. Secara ringkasnya, sembilan belas elemen utama yang dibincangkan adalah bertepatan dengan konsep *Maqasid al-Shariah* yang menitikberatkan penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan juga harta.

Najib et al (2021) dalam kajian mereka mengkaji mengenai *Maqasid al-Shariah* disebalik pensyariaan mas kahwin serta menganalisis sejarah dan perkembangan mas kahwin di negeri Pahang memandangkan mas kahwin di negeri tersebut adalah yang terendah di antara semua negeri di Malaysia. Kajian ini merumuskan bahawa kadar ketetapan mas kahwin di negeri Pahang sebanyak RM 22.50 telah bermula sejak dari tahun 1930 dan tidak pernah berubah sehingga kini. Hakikatnya nilai mas kahwin tersebut pada tahun 1930- an adalah tinggi pada ketika itu, namun nilai yang sama pada ketika ini adalah dilihat terlalu rendah. Kajian ini juga mencadangkan supaya pihak berautoriti daripada jabatan agama Islam negeri Pahang boleh mempertimbangkan semula nilai mas kahwin yang bersesuaian dengan zaman ini.

Fatimah et al (2015) dalam kajian mereka yang bertajuk, 'Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik dalam Penyusuan: Dirasah Ta'siliyyah' pula membincangkan mengenai implikasi syarak kepada wanita yang belum berkahwin tetapi menyusukan anak susuannya menggunakan kaedah ini dan juga status suami kepada ibu yang menyusukan anak susuan menggunakan suntikan *depo povera* ini. Secara ringkasnya kajian ini membincangkan mengenai status anak susuan melalui kaedah ini supaya kedudukan anak susuan itu jelas dan dapat memelihara salah satu daripada tuntutan *Maqasid al-shariah* iaitu penjagaan keturunan. Kajian ini merumuskan bahawa anak yang menyusukan dengan wanita yang menggunakan kaedah sains ini adalah dihukum sebagai anak susuan bagi wanita tersebut, tidak kira samada wanita itu sudah berkahwin ataupun belum berkahwin. Namun begitu, status anak susuan bagi suami kepada wanita yang menggunakan suntikan ini untuk menyusukan anak susuannya adalah tidak boleh dihukum kan sebagai anak susuan suami tersebut, melainkan anak itu hanyalah dikira sebagai mahram susuan atas dasar *rabib* isterinya semata-mata.

Suhaidi et al (2017) dalam kajian mereka mengkaji sejauh mana konsep *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* digunapakai dalam membuat keputusan bagi sesuatu sesi kaunseling dalam masalah keluarga atau masalah dalam perkahwinan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa konsep *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* diaplikasikan dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan, dan segala keputusan yang diberikan adalah setelah membuat pertimbangan terhadap perkara yang menjadi keperluan dan keutamaan bagi mereka yang terlibat dalam sesi kaunseling tersebut. Konsep ini diaplikasikan supaya dapat memelihara *Maqasid al-Shariah* yang memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Walaupun telah banyak kajian-kajian berkaitan *maqasid al-shari'ah* yang telah dijalankan oleh para pengkaji, namun pengkaji masih belum menemui kajian yang secara spesifik menganalisis aspek *maqasid al-shari'ah* dalam amalan perkahwinan bawah umur. Sungguh pun begitu, terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan perkahwinan bawah umur melihat kepada aspek implikasi amalan ini terhadap diri kanak-kanak yang berkahwin itu.

Umum memaklumi bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini pada suatu masa dahulu tidak dilihat sebagai sesuatu yang salah ataupun bercanggahan dengan budaya masyarakat pada masa itu. Boleh dikatakan bermula daripada kurun ke-20, kajian-kajian mula dijalankan dan mendapati bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini boleh mengundang implikasi negatif terhadap kanak-kanak yang terlibat secara khususnya, dan kepada masyarakat secara amnya.

Sehinggalah pada akhir kurun ke-20, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1948) telah mengeluarkan sebuah deklarasi yang menetapkan kriteria seseorang yang ingin melangsungkan perkahwinan, iaitu dengan syarat seseorang itu mestilah berkemampuan untuk berfikir dengan matang.

Walaupun deklarasi pada tahun 1948 itu tadi menetapkan secara spesifik tahap umur minimum perkahwinan, namun ia memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk hanya memilih pasangan untuk berkahwin yang telah mencapai umur yang matang. Sehinggalah pada tahun 2003, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekali lagi bersidang dan menggariskan Hak-Hak Kanak-Kanak yang dikenali sebagai *Rights of the Child* (2003), yang menetapkan umur 18 tahun sebagai umur minimum untuk membolehkan seseorang berkahwin.

Eucharia et al (2018) dalam kajian mereka mengenai implikasi amalan perkahwinan bawah umur ini secara khususnya terhadap kanak-kanak wanita di Kaduna, Nigeria. Kajian yang dijalankan oleh sekumpulan pengkaji ini mendapati bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini akan menyebabkan kanak-kanak yang terlibat tersebut akan ternafi hak mereka untuk mendapat pendidikan sempurna yang sepatutnya dinikmati oleh kanak-kanak sebaya mereka yang lain. Kajian ini juga turut

mendapati bahawa kanak-kanak yang berkahwin lebih berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan bawah umur berbanding pasangan dewasa. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa amalan perkahwinan bawah umur juga turut boleh menyumbang kesan buruk terhadap kesihatan kanak-kanak tersebut, terutamanya apabila terpaksa mengandungkan anak pada usia muda. Beberapa kajian lain juga turut mendapati implikasi amalan perkahwinan bawah umur yang hampir sama seperti kajian yang dijalankan oleh M. Sultana dan Md. Abdus Salam (2017).

Kajian Rachel (2017) turut menyokong bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini berpotensi untuk menyebabkan berlakunya keganasan rumahtangga. Menurut Rachel, peratusan kes-kes keganasan fizikal dan seksual adalah lebih tinggi dalam kalangan wanita yang berkahwin pada usia kanak-kanak, iaitu sebanyak 29% berbanding dengan mereka yang berkahwin ketika dewasa iaitu hanya sebanyak 20%. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang berkahwin pada usia muda lebih cenderung terdedah kepada keganasan rumahtangga dan menjadi mangsa keganasan rumahtangga.

Walaupun majoriti sarjana kontemporari berpandangan bahawa amalan perkahwinan bawah umur merupakan satu amalan yang perlu dihalang dan tidak lagi bersesuaian dengan masyarakat moden pada hari ini, namun terdapat juga sebahagian sarjana yang berpandangan bahawa amalan ini juga dapat membawa manfaat dan kebaikan.

Nor Jana Saim dan lain-lain (2018) dalam kajian mereka yang dijalankan di Sarawak misalnya mendapati bahawa terdapat manfaat dan kebaikan yang boleh dicapai melalui perkahwinan bawah umur, seperti dapat mengelakkan maksiat selain menjadikan mereka lebih berdikari, dapat memupuk sikap sabar, membina sikap tanggungjawab dan sentiasa positif.

Justeru berdasarkan kepada tinjauan literatur yang dijalankan ini, dapat dirumuskan di sini bahawa banyak penyelidikan telah dijalankan untuk melihat kepada impak negatif yang boleh terhasil disebabkan amalan perkahwinan bawah umur. Namun begitu, kajian-kajian ini tidak dianalisis mengikut perspektif *maqasid al-shari'ah*, bagi mengenal pasti sejauh mana syarak menerima atau menolak amalan perkahwinan bawah umur ini. Justeru kajian ini cuba mengkaji sejauh mana amalan perkahwinan bawah umur ini bercanggahan ataupun mencapai objektif syarak dalam perkahwinan.

ANALISIS KAJIAN

Bagi membincangkan mengenai objektif-objektif syarak di sebalik pensyariatan perkahwinan dalam artikel ini, penulis memilih untuk membahagikan perbincangan kepada tiga perbahasan utama, iaitu; (1) *Maqāsid* umum di sebalik pensyariatan perkahwinan dalam Islam, (2) *Maqāsid* khusus di

sebalik hukum-hukum terpilih dalam perkahwinan Islam, dan (3) kedudukan perkahwinan bawah umur dari perspektif *maqāsid al-sharī'ah*.

Maqāsid Umum di Sebalik Pensyariatan Perkahwinan

Akad perkahwinan merupakan antara perkara yang dianggap besar oleh syarak. Akad perkahwinan juga dianggap oleh syarak sebagai satu *mithāqan ghalīzan* (perjanjian yang kuat), seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam ayat berikut:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ
وَأَخَذْنَا مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا

Maksudnya: “Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahupun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?” (Surah al-Nisā’ 4: 21)

Jika disoroti ayat-ayat Quran dan Hadis yang berkaitan dengan perkahwinan, kita akan dapati bahawa syarak begitu menekankan soal perkahwinan ini bermula daripada aspek pemilihan calon suami dan isteri lagi sebelum perkahwinan sehinggalah kepada aspek pembubaran perkahwinan dan juga hak penjagaan anak. Secara umumnya, Ibn ‘Ashur (2009) berpandangan bahawa maqasid ataupun tujuan umum pensyariatan perkahwinan di dalam Islam adalah sebagai satu wasilah untuk meneruskan generasi manusia di muka bumi ini. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai...” (Surah al-Nisā’ 4: 1)

Oleh kerana itu Allah SWT menjadikan fitrah semula jadi manusia itu mempunyai perasaan kepada orang yang berlawanan jantina dengannya. Dengan itu, manusia akan berkahwin dan seterusnya meneruskan generasi kehidupan manusia di muka bumi ini sehinggalah ke akhirnya.

Sehubungan dengan ini juga, terdapat beberapa nas hadis yang menunjukkan bahawa syarak menggalakkan kepada mereka yang ingin berkahwin agar memilih pasangan bagi tujuan untuk meramaikan anak dan zuriat keturunan, sesuai dengan kehendak syarak di sebalik pensyariatan perkahwinan ini. Misalnya, Nabi SAW Memberikan nasihat dalam mencari pasangan untuk berkahwin dengan melihat kepada kemampuan pasangan tersebut untuk melahirkan anak yang ramai (antaranya seperti dengan melihat keturunan yang mempunyai anak yang ramai) seperti yang diriwayatkan oleh Ma’qal bin Yasār:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي أَصْبَنْتُ
امْرَأَةً ذَاتَ حَسَبٍ وَجَمَالٍ، وَإِنَّهَا لَا تَلِدُ، أَفَأَتَزَوَّجُهَا؟ قَالَ: " لَا
." ثُمَّ أَتَاهُ الثَّانِيَةُ فَهَمَّاهُ، ثُمَّ أَتَاهُ الثَّلَاثَةُ فَقَالَ: "تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ
الْوُلُودَ؛ فَإِنِّي مَكَايِرٌ بِكُمْ الْأُمَّمَ"

(Sunan Abi Dawud, 2009)

Maksudnya: Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW, maka dia pun berkata: "Aku telah berjumpa (untuk berkahwin) seorang wanita yang mempunyai harta dan rupa, dan dia tidak boleh melahirkan anak, adakah (sesuai untuk) aku mengahwininya?". Baginda SAW bersabda: "Tidak". Kemudian dia datang kepada Baginda SAW untuk kali keduanya, dan Baginda SAW melarangnya untuk berkahwin. Dan dia datang pada kali ketiga, lalu Baginda SAW bersabda: "Berkahwinlah dengan orang yang mempunyai sifat kasih sayang, dan orang yang boleh melahirkan anak yang ramai, sesungguhnya aku berbangga dengan ramainya umat".

Berdasarkan kepada ayat Quran dan hadis di atas, jelas dapat kita fahami bahawa penganjuran syarak terhadap perkahwinan adalah bertujuan untuk mengekalkan zuriat keturunan manusia. Selain itu, Quran juga turut mengaitkan antara perkahwinan dengan zuriat sebagai nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa antara objektif umum di sebalik pensyariatkan perkahwinan adalah supaya pasangan tersebut beranak-pinak dan bersambungan generasi manusia selepasnya. Firman Allah SWT:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ بِخَلْقِ مَا يَشَاءُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَّا
لَنُؤْتِيهِمْ لِمَنْ يَشَاءُ الذَّكَورَ أَوْ الْيُرْوَجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنَّا
لَنُؤْتِيهِمْ لِمَنْ يَشَاءُ عَقِيمًا إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ

Maksudnya: Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi; Ia menciptakan apa yang dikehendakiNya; Ia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Ia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan, dan Ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya: mandul. Sesungguhnya Ia Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Perkahwinan juga disyariatkan kepada manusia sesuai dengan fitrah manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain untuk kelestarian kehidupan manusia. Sesuai dengan fitrah manusia dicipta berlainan jantina, dan setiap jantina akan cenderung tertarik kepada jantina yang berlawanan, maka akad perkahwinan disyariatkan supaya hubungan ini dapat memenuhi keperluan jiwa manusia yang menginginkan keseronokan dan ketenangan. Walaupun terdapat pelbagai nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT, seperti harta, kekayaan dan sebagainya, namun tiada yang setanding dengan nikmat pasangan dan zuriat keturunan yang tidak mampu dibeli dengan wang ringgit. Hal ini jelas disebutkan dalam Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Surah al-Rūm 30: 21)

Selain daripada itu, al-Sarakhsy (1993) turut berpandangan bahawa perkahwinan juga disyariatkan sebagai memenuhi keperluan fitrah manusia secara tabiatnya. Melalui perkahwinan juga, manusia dapat mengelakkan diri mereka daripada terjerumus dalam perbuatan zina yang dianggap sebagai suatu perkara yang sangat buruk dan hina di sisi syarak, seperti firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَاتِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). (Surah al-Isrā' 17: 32)

Justeru itu, didapati banyak daripada nas-nas hadis yang menggalakkan perkahwinan sebagai penyelamat manusia daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Antaranya dalam pesanan Rasulullah SAW kepada para pemuda untuk berkahwin apabila mereka mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menjalani kehidupan rumahtangga, seperti sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh bin Mas'ūd:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ؛ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ
أَعْصَمٌ لِلْبَصْرِ، وَأَحْسَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ؛ فَلْيَغْلِبْهُ بِالصَّوْمِ؛
فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

(Riwayat Sahih Muslim, 1996)

Maksudnya: Wahai sekalian pemuda, sesiapa yang mempunyai kemampuan, maka berkahwinlah. Maka sesungguhnya perkahwinan lebih dapat menundukkan pandangan, lebih dapat menjaga kemaluan. Dan sesiapa yang tidak mampu, maka dia hendaklah berpuasa, sesungguhnya berpuasa itu sebagai satu perisai.

Justeru, disimpulkan di sini berdasarkan penelitian yang dilakukan sebentar tadi bahawa *maqāsid* umum di sebalik pensyariatkan perkahwinan boleh dirumuskan kepada tiga perkara berikut; iaitu, (1) untuk meneruskan keturunan dan generasi manusia, (2) untuk memberikan ketenangan kepada manusia, dan (3) untuk memenuhi fitrah manusia dan mengelakkan manusia daripada terjebak daripada melakukan perkara yang dilarang oleh syarak.

Maqāsid Khusus di Sebalik Beberapa Hukum-
Hukum Terpilih dalam Perkahwinan

Selain daripada maqasid umum di sebalik pensyarian perkahwinan, berdasarkan kepada hukum-hukum syarak berkaitan perkahwinan juga dapat dijejaki rahsia dan tujuan syarak. Dalam menganalisis hukum-hukum terpilih berkaitan perkahwinan dalam Islam di ruangan yang terbatas ini, penulis memilih untuk hanya memberikan fokus kepada hukum-hukum utama yang telah disepakati hukum tersebut oleh majoriti fuqaha daripada pandangan yang muktamad dalam setiap mazhab, iaitu dalam 4 permasalahan berikut; (i) pensyaran sekufu bagi pasangan pengantin, (ii) pensyaran wali dalam perkahwinan, (iii) larangan-larangan dalam perkahwinan, dan (iv) pensyaran mas kahwin dan kewajipan nafkah.

Al-Zuhayli (2008) menjelaskan bahawa majoriti fuqaha bersepakat bahawa menjadi syarat *luzūm* (Syarat *luzūm* dalam perkahwinan merujuk kepada syarat yang kepada sebuah perkahwinan itu berterusan. Jika syarat *luzūm* ini tidak dipatuhi, maka pihak berautoriti boleh membatalkan perkahwinan tersebut dengan cara memfasakhkan perkahwinan antara mereka) kepada sesebuah perkahwinan adalah apabila pasangan isteri tersebut adalah sekufu dengan suami. Muḥammad Na‘īm (2007) juga menegaskan bahawa pandangan al-Imām Aḥmad dalam permasalahan ini berbeza daripada majoriti fuqaha, kerana beliau berpandangan bahawa syarat sekufu ini dikira sebagai syarat sahnya perkahwinan. bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh ‘Aliyy bin Abī Ṭālib:

يَا عَلِيُّ، ثَلَاثٌ لَا تُؤَخَّرُهَا: الصَّلَاةُ إِذَا آتَتْ، وَالْجِنَازَةُ إِذَا
حَضَرَتْ، وَالْأَيْمُ إِذَا وَجَدَتْ لَهَا كُفًّا

(Riwayat Sunan al-Tirmidhiy, 1975)

Maksudnya: “Wahai ‘Aliyy, tiga perkara yang kamu jangan lewat-lewatkannya: (i) solat apabila tiba masanya, (ii) jenazah apabila telah hadir, dan (iii) perempuan bujang apabila telah berjumpa dengan orang yang sekufu dengannya”

Walaupun para ulama bersepakat mengenai syarat sekufu ini sebagai syarat *luzūm*, namun mereka berbeza pandangan dalam menentukan apakah kriteria yang menjadi kayu ukur kepada syarat sekufu ini. Secara kesimpulannya, al-Zuhailiy (2008) menyatakan bahawa para fuqaha sepakat menyatakan kriteria sekufu yang diambil kira adalah pada sudut keagamaan, sebaliknya mereka berbeza pandangan dalam menentukan perkara-perkara berikut sebagai sekufu, iaitu; (i) status merdeka ataupun hamba, (ii) harta, (iii) keturunan, (iv) kesihatan fizikal, dan (v) pekerjaan.

Al-Sharbiniy (1994) menjelaskan bahawa pensyaran sekufu ini pada hakikatnya adalah bertujuan untuk menjaga *maṣlahah* kepada pasangan isteri dan keluarganya daripada mendapat malu disebabkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di dalam rumahtangga. Hal ini demikian juga bagi memastikan pasangan suami dan isteri itu mempunyai kesefahaman dan seterusnya bagi

menjamin kehidupan rumahtangga yang bahagia berkasih-sayang.

Al-Zuhailiy (2008) juga turut menjelaskan bahawa majoriti fuqaha dari kalangan Mazhab Maliki, Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali juga turut bersepakat mensyaratkan wali kepada isteri sebagai salah satu rukun bagi akad perkahwinan. Manakala fuqaha Mazhab Hanafi pula tidak meletakkan wali sebagai rukun perkahwinan. Fuqaha Mazhab Hanafi seperti Al-Kāsāniy (1986) berpandangan bahawa akad perkahwinan yang dilakukan tanpa wali tetap sah dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pandangan majoriti fuqaha yang mensyaratkan wali bagi pengantin perempuan ini adalah bersandarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Mūsā al-Ash‘ariy bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*tidak ada perkahwinan melainkan dengan wali*” (Sunan Abi Dawud, 2085)

Oleh kerana perkahwinan merupakan satu perkara yang besar dalam kehidupan seseorang, dan mempunyai implikasi yang berat, maka syarat mensyaratkan wali dalam akad perkahwinan bagi memastikan keputusan untuk berkahwin itu adalah keputusan yang dilakukan selepas perbincangan yang panjang bersama dengan keluarga dan wali.

Walaupun perkahwinan secara dasarnya adalah satu akad yang dibenarkan oleh syarak, namun begitu syarak tidak membiarkan manusia bebas melakukan segala-galanya tanpa batasan. Justeru, para fuqaha bersepakat berpandukan kepada nas-nas syarak dengan menyatakan larangan syarak terhadap perkara-perkara seperti; (i) perkahwinan dengan orang yang bukan Islam,¹ (ii) pengharaman melakukan kekasaran dan kekerasan terhadap pasangan,² (iii) pengharaman perkahwinan dengan perempuan-perempuan tertentu seperti mahram, hubungan susuan, dan seumpamanya,³ (iv) pengharaman perkahwinan yang diniatkan hanya untuk sementara waktu,⁴ (v) pengharaman penyebaran rahsia dan keaiban pasangan,⁵ (vi)

¹ Para fuqaha bersepakat menyatakan larangan seorang muslim untuk berkahwin dengan selain daripada orang Islam ataupun penganut agama samawi yang lain. Larangan ini adalah bersandarkan kepada banyak nas-nas yang jelas, antaranya ayat ke-221 daripada Surah al-Baqarah.

² Larangan ini adalah bersandarkan kepada larangan umum terhadap melakukan perkara-perkara yang memudaratkan, seperti sabda Rasulullah SAW: “*لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ*”, yang bermaksud “*Tidak boleh memudaratkan diri sendiri, dan tidak boleh memudaratkan orang lain*”. Hadis dikeluarkan oleh Ibn Majah, 2341.

³ Pengharaman untuk berkahwin dengan wanita-wanita tertentu yang mempunyai nasab persaudaraan ini adalah berdasarkan kepada ayat ke-23, Surah al-Nisa’.

⁴ Perbincangan panjang mengenai permasalahan ini boleh dirujuk kepada perbahasan mengenai hukum perkahwinan secara *mut’ah*.

⁵ Perkahwinan adalah merupakan amanah besar yang dipikul oleh kedua-dua pasangan pengantin. Penyebaran sebarang bentuk rahsia dan keaiban pasangan adalah

pengharaman menceraikan isteri dalam keadaan haid,⁶ (vii) larangan janji untuk menjauhi isteri, dan pelbagai lagi larangan-larangan yang terdapat dalam perkahwinan.

Larangan-larangan yang dinyatakan ini bukanlah hanya sekadar peraturan untuk mengekang kebebasan, namun di sebaliknya adalah rahmat dan hikmah syarak dalam menjaga *maṣlahah* kedua-dua pasangan suami dan isteri dengan menolak segala bentuk mafsadah dan mudarat yang boleh terhasil daripada perkahwinan sekiranya diabaikan batasan-batasan syarak ini.

Berdasarkan kepada larangan-larangan yang dinyatakan tadi, dapat difahami beberapa mafsadah yang cuba disekat oleh syarak seperti; (i) menghalang mafsadah kerosakan pasangan dan zuriat keturunan disebabkan perkahwinan dengan orang yang bukan Islam, (ii) menghalang mafsadah kepada fizikal dan mental pasangan, (iii) menghalang daripada mafsadah berlakunya kerosakan dalam nasab dan sistem kekeluargaan, (iv) menghalang mafsadah terhadap isteri dan anak-anak apabila perkahwinan hanya bersifat sementara, (v) menghalang daripada mafsadah pasangan menanggung malu apabila keaibannya disebarkan, (vi) menghalang daripada mafsadah kemungkinan isteri yang dalam keadaan haid tertekan apabila emosi masih tidak stabil,⁷ (vii) dan bagi menghalang mafsadah terhadap perasaan pasangan iaitu isteri apabila diceraikan maka diharamkan juga perbuatan bersumpah untuk tidak meniduri isteri.

Selain itu juga, Islam turut mewajibkan kepada suami untuk menyediakan keperluan material kepada isteri sebagai tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul bagi memastikan kemaslahatan isteri dan anak-anak terjamin dari segi aspek keperluan dunia dan akhirat. Bahkan, Islam mengangkat amalan nafkah ini sebagai satu kebajikan besar yang akan mendapat ganjarannya di akhirat kelak seperti yang disebutkan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd bin Abī Waqqās:

إِنَّكَ لَنْ تُنْفِقَ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ، إِلَّا أُجِرْتَ عَلَيْهَا، حَتَّى مَا تَجْعَلُ فِي فِي امْرَأَتِكَ "

(Sahih al-Bukhariy, 56)

Maksudnya: Sesungguhnya kamu tidak menafkahkan sesuatu nafkah yang kamu harapkan keredaan Allah, melainkan kamu akan diberikan balasan

merupakan pengkhinatan terhadap amanah ini, dan merupakan satu larangan seperti yang dapat difahami daripada ayat ke-27, Surah al-Anfal.

⁶ Pengharaman ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "...*rujuklah semula dia, dan kekalkan perkahwinan sehingga dia suci (daripada haid)*...". (Musnad Ahmad, Musnad, 7:14).

⁷ Selain itu, pengharaman cerai pada ketika isteri dalam keadaan haid akan menyebabkan bekas isteri tersebut terpaksa menunggu dengan lebih lama bagi menunggu kitaran tiga kali haid mengikut Mazhab Syafie, untuk menamatkan *'iddahnya* bagi membolehkan dia berkahwin dengan orang lain. Al-Sharbīniy, *Mughnī Al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz Al-Minhāj*.

disebabkannya, termasuklah apa yang kamu berikan kepada isterimu untuk makan.

Kedudukan Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif *Maqāṣid* Syariah

Isu mengenai hukum perkahwinan bawah umur ini adalah merupakan antara isu-isu yang menjadi perselisihan pandangan fuqaha. Perbezaan pandangan fuqaha mengenai hukum perkahwinan bawah umur boleh disimpulkan kepada 3 pandangan seperti berikut: (1) majoriti fuqaha berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh adalah sah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, (2) sebahagian fuqaha berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah tidak sah, dan (3) sebahagian fuqaha yang lain pula membezakan antara hukum perkahwinan kanak-kanak lelaki dan hukum perkahwinan kanak-kanak perempuan.

Perbezaan pandangan fuqaha ini juga adalah disebabkan kerana ketiada nas yang jelas secara pasti menetapkan suatu tahap umur minimum kepada seseorang untuk melangsungkan perkahwinan. Oleh kerana ini, pengambil kiraan aspek masalah dan mafsadah adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu pandangan fiqh itu selari dengan kehendak dan maqasid syarak.

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian yang lepas, dapat disimpulkan di sini bahawa *maqāṣid* Syariah dalam penyariatian perkahwinan, sama ada maqasid umum ataupun maqasid khusus, dapat diringkaskan seperti berikut; (1) untuk meneruskan keturunan dan generasi manusia, (2) untuk memberikan ketenangan kepada manusia, (3) untuk mengelakkan manusia daripada terjebak melakukan perkara yang hina, (4) memberikan kesefahaman antara pasangan suami dan isteri, (5) memastikan pasangan perempuan tidak membuat keputusan yang salah dalam perkahwinan, (6) mengelakkan kemudaratan dalam perkahwinan, dan (7) menjamin *maṣlahah* kewangan bagi isteri.

Justeru, berdasarkan kepada objektif-objektif penyariatian perkahwinan ini, sejauh manakah amalan perkahwinan bawah umur dapat memenuhi dan menghasilkan objektif-objektif ini, dan bertepatan dengan kehendak syarak dalam mensyariatkan hukum-hukum perkahwinan? Pada bahagian ini, penulis akan menganalisis sejauh mana amalan perkahwinan bawah umur ini bertepatan atau bercanggahan dengan maqasid syariah dengan menganalisis setiap maqasid yang disenaraikan ini.

Jika dilihat kepada *maqāṣid* umum syarak di dalam perkahwinan iaitu untuk mengekalkan zuriat dan keturunan manusia, penulis berpendapat bahawa perkahwinan bawah umur boleh dianggap selari dengan kehendak syarak sekiranya perkahwinan tersebut diadakan sempurna dengan menepati syarat-syarat yang telah digariskan oleh fuqaha. Sama seperti mana-mana perkahwinan yang lain, perkahwinan adalah untuk meneruskan zuriat dan generasi manusia.

Walaupun kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh masih belum sesuai untuk mengandung dan melahirkan anak, namun *maqāsid* ini tetap tercapai juga selepas umur kanak-kanak tersebut meningkat dewasa. Bagi memastikan objektif syarak ini tercapai, penulis berpandangan agar umur baligh dijadikan penanda aras sebagai umur minimum untuk melangsungkan perkahwinan.

Perkara ini hakikatnya tidak jauh beza dengan peruntukan Akta dan Enakmen Undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang memperuntukkan bahawa mana-mana kanak-kanak yang berumur kurang daripada 16 tahun (perempuan) ataupun 18 tahun (lelaki) perlulah mendapatkan kebenaran daripada mahkamah syariah terlebih dahulu untuk berkahwin, tanpa menetapkan tahap umur minimum yang melarang mana-mana kanak-kanak yang berumur kurang daripada umur tersebut untuk berkahwin.

Justeru, pengkaji mencadangkan di sini agar tahap umur baligh diambil kira sebagai tahap umur minimum untuk membolehkan seseorang berkahwin, dan mana-mana perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh perlu dibatalkan (*fasakh*) oleh mahkamah. Dalam erti kata lain, mereka yang belum mencapai umur baligh tidak boleh berkahwin sama sekali, sama ada mendapat kebenaran daripada pihak mahkamah ataupun tidak.

Selain daripada *maqāsid* ini, perkahwinan juga disyariatkan supaya kedua-dua pasangan yang berkahwin ini mendapat ketenangan dalam perkahwinan mereka. Perkara ini juga hakikatnya tidak bergantung kepada tahap umur dan kematangan apabila kedua-dua pasangan ini memilih untuk berkahwin sesama mereka, dan menerima segala kekurangan dan kelemahan seadanya. Jika kita melihat aspek kematangan sebagai satu aspek yang menjamin kedamaian dalam rumahtangga, hal ini hakikatnya tidak konsisten begitu, kerana berapa banyak perkahwinan antara orang dewasa pun berakhir dengan perceraian.

Perkahwinan bawah umur juga sudah pasti dapat memenuhi *maqāsid* perkahwinan untuk mengelakkan pasangan ini terjerumus dalam kancah penzinaan yang merupakan antara dosa besar di dalam Islam, terutamanya jika kedua-dua pasangan ini telah lama berkenalan, dan apatah lagi jika mereka telah pun terlanjur dalam perhubungan.

Oleh kerana ini juga, perkahwinan bawah umur ini juga dapat mencapai *maqāsid* kesefahaman antara suami dan isteri apabila perkahwinan ini dilakukan secara suka dan rela, tanpa sebarang paksaan. Apatah lagi jika perkahwinan ini telah mendapat restu daripada wali kepada kanak-kanak yang ingin berkahwin tersebut, yang pastinya pihak wali tidak akan merestui perkahwinan ini sekiranya terdapat elemen-elemen yang boleh menyebabkan perkahwinan ini akan memberikan kemudahan kepada kanak-kanak tersebut.

Walaupun perkahwinan kanak-kanak dianggap sebagai satu perkahwinan yang berisiko tinggi, kerana kanak-kanak pada kebiasaannya tidak dapat membuat keputusan dengan matang dan rasional bagi pihak dirinya sendiri, namun para fuqaha yang membenarkan perkahwinan ini telah menetapkan syarat-syarat bagi mengelakkan kemudahan yang lebih besar berlaku.

Justeru sebagai langkah bagi memastikan perkahwinan yang melibatkan pasangan bawah umur tidak mendatangkan mudarat kepada kanak-kanak tersebut, maka sepatutnya perkahwinan ini dibincangkan dengan sebaik mungkin terlebih dahulu, dan perlulah mendapatkan keizinan daripada wali dan juga pihak yang berautoriti. Oleh kerana itulah para fuqaha seperti yang dijelaskan oleh al-Zuhailiy (2008) membenarkan perkahwinan kanak-kanak meletakkan syarat bahawa perkahwinan tersebut adalah mesti melalui kebenaran wali iaitu ayah kandung ataupun datuknya sahaja, dan bukannya wali-wali yang lain.

Perkahwinan yang melibatkan pasangan bawah umur mestilah dikahwinkan tanpa paksaan wali mujbir.⁸ Walaupun sebahagian fuqaha seperti Ibn Qudamah (1985) berpandangan bahawa wali kepada kanak-kanak perempuan boleh memaksa kanak-kanak tersebut untuk berkahwin, namun penulis cenderung untuk memilih pandangan yang menghalang perkahwinan kanak-kanak yang dipaksa oleh walinya tanpa keinginan dan rela hati daripada kanak-kanak itu sendiri. Hal ini adalah bagi memastikan perkahwinan tersebut selari dengan *maqāsid* syarak di sebalik perkahwinan iaitu untuk mewujudkan ketenangan antara pasangan suami dan isteri. Hal ini juga penting untuk dipertimbangkan agar dapat memberikan kesefahaman antara pasangan suami dan isteri, dan seterusnya mengekalkan hubungan perkahwinan hingga ke akhirnya.

Bagi memastikan keperluan material dan kewangan mencukupi bagi keperluan keluarga, penulis cenderung kepada pandangan fuqaha seperti Ibn Hazm (t.th.) yang hanya mengharuskan perkahwinan kanak-kanak terbatas kepada kanak-kanak perempuan sahaja, dan bukannya kanak-kanak lelaki. Hal ini demikian kerana seorang suami mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai ketua keluarga, bukan hanya memandu keluarga tersebut, tetapi juga perlu menyediakan keperluan material dan kewangan dengan pemberian nafkah, penyediaan tempat tinggal, makanan, pakaian, dan sebagainya.

⁸ Wali Mujbir ialah wali nikah yang berkuasa untuk mengahwinkan seorang gadis dengan sesiapa sahaja yang dia persetujuan. Mereka hanya terdiri daripada dua orang ahli keluarga bakal pengantin perempuan iaitu bapa kandungnya dan ayah kepada bapa kandung iaitu datuknya serta ke atas. Rujuk: Syed Husin, S. N. M. B., & Tengku Muda, T. F. M. (2014). Konflik Antara Hak Wali Mujbir di Bawah Hukum Syarak dan Peruntukan Had Umur Minimum Perkahwinan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 7-16.

Hal ini secara logiknya hanya dapat dipenuhi oleh lelaki dewasa yang berkemampuan dalam menyediakan nafkah dan bukannya kanak-kanak lelaki yang masih kecil. Justeru, aspek kompetennya suami mestilah diambil kira supaya perkahwinan yang didirikan itu selari dengan kehendak dan *maqāsid* syarak.

Berdasarkan kepada perbincangan ini, jelaslah difahami bahawa asas utama yang perlu mendasari sesebuah perkahwinan bawah umur adalah aspek *masalahah* kepada pasangan bawah umur itu sendiri. Justeru, mana-mana perkahwinan bawah umur yang menyebabkan kemudaratan kepada pasangan adalah bertentangan dengan syarak, dan pihak berautoriti mestilah mengambil tindakan untuk membubarkan (fasakh) perkahwinan tersebut, seperti pandangan Ibn Rushd (t.th.) dari Mazhab Maliki yang membenarkan pemerintah untuk membubarkan perkahwinan sekiranya berlaku kemudaratan dalam perkahwinan tersebut.

Secara kesimpulannya, penulis berpandangan bahawa amalan perkahwinan bawah umur ini boleh mencapai maqasid syarak di dalam pensyariaan perkahwinan sekiranya perkahwinan ini dijalankan mengikut prosedur yang betul dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walaupun seperti yang sedia maklum bahawa banyak kemudaratan yang mungkin boleh berlaku, namun kemudaratan dan risiko ini hanyalah bersifat jangkaan sahaja tanpa ada bukti yang kukuh yang menunjukkan ia benar-benar akan berlaku.

Justeru dalam konteks perundangan keluarga Islam di Malaysia, mahkamah-mahkamah syariah yang membuat keputusan terhadap permohonan perkahwinan bawah umur ini mestilah meneliti dengan baik setiap permohonan bagi mempertimbangkan antara *masalahah* dan *mafsadah* yang boleh terhasil daripada perkahwinan yang akan dijalankan. Pihak mahkamah tidak boleh begitu ketat sehingga menolak kesemua permohonan perkahwinan bawah umur, dan juga tidak boleh terlalu longgar lalu membenarkan semua permohonan tanpa usul periksa terlebih dahulu.

Daripada sudut pandang yang lain, perkahwinan bawah umur juga ada kalanya boleh dianggap sebagai satu wasilah bagi mengekang mafsadah yang lebih besar, iaitu apabila terdapat pasangan yang dikhuatiri akan terjebak dalam perzinaan sekiranya mereka tidak berkahwin. Malah pada ketika ini, hukum perkahwinan terhadap pasangan yang dikhuatiri terjatuh dalam perzinaan adalah menjadi wajib.

Realiti Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia

Di Malaysia, kanak-kanak yang beragama Islam yang ingin melangsungkan perkahwinan haruslah meminta kebenaran daripada Hakim Mahkamah Syariah. Berdasarkan data daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah permohonan perkahwinan bagi pemohon beragama

Islam yang berumur di bawah 18 tahun bagi lelaki dan bawah 16 tahun bagi perempuan bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2017 mencatatkan sebanyak 5,362 kes permohonan. Ini menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur secara tidak langsung mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang mengkaji faktor perkahwinan bawah umur, antaranya, Nor Jana Saim et al (2018) dalam kajian mereka menyatakan antara faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur adalah, masalah ekonomi dan kewangan. Uswatun Hasanah (2018) pula dalam kajiannya menyatakan antara faktor perkahwinan bawah umur adalah disebabkan pasangan tersebut telah terlanjur berzina dan hamil anak tidak sah taraf, selain sebagai jalan keluar bagi mengelakkan seks bebas dikalangan remaja. Hal ini turut diakui oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pasir Puteh berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama beliau yang menyatakan bahawa kebanyakan remaja yang membuat permohonan perkahwinan bawah umur adalah disebabkan telah berzina dengan pasangannya dan ada yang telah hamil disebabkan perzinaan tersebut.

Jadi, dalam membenarkan sesuatu perkahwinan bawah umur, terdapat beberapa aspek yang diambil kira oleh Hakim Mahkamah Syariah, antaranya perkahwinan yang dilangsungkan dapat menolak mafsadah yang lebih besar daripada berlaku. Dalam kes perkahwinan disebabkan telah terlanjur berzina dan hamil, kemudaratan dapat ditolak dengan membenarkan kanak-kanak tersebut berkahwin dengan pasangannya. Dengan perkahwinan tersebut dapat menghalang kanak-kanak tersebut daripada berterusan melakukan zina dengan pasangannya dan seterusnya dapat menghalang daripada berlakunya kehamilan di luar nikah.

Selain itu, kebenaran perkahwinan bawah umur disebabkan oleh kehamilan anak tidak sah taraf dapat mendatangkan *masalahah* kepada anak di dalam kandungan tersebut, dari segi bayi tersebut akan dilahirkan dalam keadaan mempunyai ibu dan bapa yang berada dalam ikatan pernikahan yang sah dari segi syarak dan undang-undang. Budaya zaman ini yang memandang rendah kepada anak tidak sah taraf akan membawa keburukan kepada kanak-kanak yang dilahirkan dengan status tersebut. Sedangkan hakikatnya anak tersebut adalah tidak bersalah atas dosa zina yang dilakukan oleh ibu dan bapanya.

Selain itu, dengan membenarkan perkahwinan kepada pasangan yang telah terlanjur berzina dapat mengelakkan daripada berlakunya mafsadah yang lebih besar seperti pengguguran kandungan atau pembuangan bayi tidak sah taraf. Perkara ini bertepatan dengan penjagaan Syarak terhadap *Kulliyat al-khams* iaitu dari sudut aspek penjagaan nyawa. Namun begitu, hakikatnya semua masalah ini tidak akan timbul sekiranya penjagaan aspek *Kulliyat al-Khams* dititikberatkan daripada awal lagi dengan perbuatan menjauhi zina. Ini kerana perbuatan

menjauhi zina itu sendiri adalah antara cara untuk memelihara salasilah keturunan.

Hakim Mahkamah Syariah dalam membenarkan sesuatu permohonan perkahwinan bagi kanak-kanak bawah umur haruslah memastikan bahawa perkahwinan yang akan dilangsungkan akan membawa sebanyak mungkin *maslahah* dan menolak sebanyak mungkin mafsadah terhadap kanak-kanak terbabit.

Namun begitu, dalam memberikan kebenaran terhadap permohonan disebabkan oleh masalah perzinaan dan kehamilan luar nikah, Hakim haruslah tidak menjadikan kebenaran tersebut diperolehi dengan mudah, dikhuatiri masyarakat merasakan terdapat jalan keluar bagi masalah perzinaan dan kehamilan di kalangan remaja. Hakikatnya, perkahwinan bawah umur yang semakin meningkat disebabkan oleh masalah sosial menunjukkan bahawa sistem sosial masyarakat berada dalam keadaan yang buruk. Oleh itu, Hakim Mahkamah Syariah dalam memberikan kebenaran perkahwinan bawah umur haruslah memainkan peranan yang penting dalam memberi keputusan disamping mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penulisan ini mendapati bahawa amalan perkahwinan bawah umur yang diharuskan oleh para fuqaha mengikut syarat-syarat yang dinyatakan mereka adalah selari dengan *maqāsid* dan tujuan syarak di sebalik pensyariatan perkahwinan, sama ada *maqāsid* yang bersifat umum mahupun yang khusus. Ini bermaksud bahawa perkahwinan bawah umur juga boleh mencapai objektif syarak di sebalik pensyariatan perkahwinan dalam Islam. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk menyatakan bahawa pandangan fuqaha terdahulu yang mengharuskan perkahwinan bawah umur adalah tidak relevan pada masa ini tanpa melihat kepada hukum-hukum perkahwinan dalam Islam dengan lebih menyeluruh. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa perkahwinan bawah umur adalah relevan pada masa ini semata-mata kerana berdasarkan kepada sistem sosial masyarakat yang buruk dengan terjadinya pelbagai masalah sosial dikalangan remaja.

Hakikatnya, perkahwinan dalam Islam adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia. Justeru, mana-mana perkahwinan sama ada yang melibatkan pasangan dewasa mahupun kanak-kanak, sekiranya boleh mengundang kemudaratan kepada pasangan, maka perkahwinan tersebut adalah bercanggah dengan syarak dan perlulah dibubarkan dengan kuasa pemerintah. Namun, jika perkahwinan tersebut berjalan dengan baik dan dapat menghasilkan *maṣlahah-maṣlahah* yang diharapkan di sebalik perkahwinan, maka perkahwinan tersebut adalah sah di sisi syarak. Lebih-lebih lagi, kebanyakan daripada *maṣlahah-malahah*

perkahwinan ini tidak dapat dihasilkan melainkan hanya melalui jalan perkahwinan sahaja.

Sehubungan dengan itu, dalam menilai hukum perkahwinan bawah umur, seseorang mujtahid tidak boleh membuat satu penilaian hukum secara umum, sama ada menghukumkan perkahwinan bawah umur secara umumnya adalah perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam, ataupun menghalang secara total perkahwinan bawah umur secara umumnya dengan alasan kemudaratan. Hal ini demikian kerana, seperti yang telah ditegaskan dalam penulisan ini bahawa perkahwinan setiap pasangan adalah berbeza dengan pasangan yang lain, begitu juga keupayaan dan kematangan setiap kanak-kanak adalah berbeza antara satu sama yang lain.

Selain itu, perkahwinan bawah umur disebabkan oleh perzinaan dan kehamilan di luar nikah dilihat sebagai memelihara sebahagian daripada aspek Kulliyat al-Khoms iaitu penjagaan nyawa dan keturunan. Penjagaan nyawa terpelihara apabila perkahwinan bagi pasangan yang telah hamil di luar nikah dibenarkan, ia dapat menghalang daripada terjadinya pengguguran kandungan atau pembuangan bayi. Manakala, penjagaan keturunan dapat dipelihara apabila pasangan yang sudah terlanjur berzina dibenarkan berkahwin, maka perkahwinan tersebut dapat menghalang pasangan tersebut daripada berterusan melakukan zina, sekali gus dapat memelihara salah satu daripada aspek Kulliyat al-Khoms iaitu penjagaan keturunan.

Justeru dalam konteks hari ini, peruntukan undang-undang keluarga Islam yang menetapkan kanak-kanak bawah umur perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak mahkamah terlebih dahulu adalah satu ketetapan yang baik pada hemat penulis, bagi memastikan perkahwinan tersebut selari dengan kehendak syarak.

RUJUKAN

- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash‘ath. 2009. *Sunan Abū Dawūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamīyyah.
- Al-Nawawiy, Yaḥyā Sharaf Abū Zakariyyā. 1996. *Sharḥ Al-Nawawiy ‘alā Muslim*. Dār al-Khayr.
- Al-Raysūniy, Aḥmad. 1995. *Nazariyyāt Al-Maqāsid ‘Ind Al-Imām Al-Shāṭibiy*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Sharbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. 1994. *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz Al-Minhāj*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tāhir‘Āshūr, Muḥammad. 2009. *Maqāsid Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Al-Yūbiy, Muḥammad Sa’d bin Aḥmad. 1998. *Maqāsid Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah Wa Ilāqatuhā Bi Al-Adillah Al-Shar‘iyyah*. Saudi Arabia: Dār al-Hijrah.

- Al-Zuhayliy, Wahbah. 2008. *Al-Fiqh Al-Islāmiy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad, Hadenan Bin Towpek, dan Abdul Razak Bin Abdul Kadir. 2021. Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*.
- ‘Abd Allāh Aḥmad Muḥammad Qudāmah al-Maqdisiy. 1985. *Al-Mughnī*. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- ‘Alā’ al-Dīn, Al-Kāsāniy Al-Ḥanafiy. 1986. *Badāi’ Al-Ṣanāi’ Fī Tartīb Al-Sharāi’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Dimon, Z. 2019. Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia: Emotional Darar Towards Wife In Marriage From Malaysian Law Perspective. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 99–115.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad ‘Aliyy Aḥmad. t.th. *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad bin ‘Īsā bin Sawrah al-Tirmidhiy. 1975. *Sunan Al-Tirmidhiy*. Kaherah, Mesir: Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiy.
- Muḥammad bin Aḥmad bin Rushd. t.th. *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtaṣid*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Muḥammad bin Aḥmad Shams al-A’immah al-Sarakhsiy. 1993. *Al-Mabsūt*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhāriy. t.th. *Al-Jāmi’ Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayh Wa Sallam Wa Sunanih Wa Ayyāmih*. Edited by Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir Al-Nāṣir. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Muḥammad Na‘īm Muḥammad Hānī Sā‘ī. 2007. *Mawsū‘ah Masa’il Jumhūr Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*. Kaherah, Mesir: Dār al-Salām.
- Muhammad Najib Abd Wakil, Ikmal Hafiz Jamal, Muhammad Hasif Yahaya, dan Mohamad Afandi Md Ismail. 2021. *Mas Kahwin di Pahang: Kiraan Semula Nilai Semasa*. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1).
- Mohd Suhadi Bin Mohamed Sidik, Mohd Noor Bin Saper, & Nurul ‘Ain Mohd Daud. 2017. *Kajian Kes Aplikasi Dharuriyyat, Hajiyyat Dan Tahsiniyyat (DHT) Dalam Membuat Keputusan Ketika Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan*, *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*.
- Siti Fatimah Salleh, Mohd Zulkifli Muda, dan Saadan Man. 2015. *Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik Dalam Penyusuan: Dirasah Ta’siliyyah*. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*; Kuala Terengganu Vol. 9, 192-208.

Nurul Ain Hazram,
ainhazram@gmail.com
Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya
MALAYSIA

Raihanah Azahari
raihan@um.edu.my
Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.